

RANCANGAN PERNIAGAAN
RNZ INTERIOR OFFICE DESIGN ENTERPRISE

Disediakan untuk :

En. Amran bin Awang

Pensyarah Asas Keusahawanan ETR 300

ITM Cawangan Perlis

02600 Arau Perlis

Disediakan oleh :

ROZLINDA BT RAMLAN	94605601
RAFIDAH BT ABD. RAZAK	94605672
NOR AZIAN BT MOHD YASIN	93739430
ZAHAWATI BT MOHD ZAID	94451508
NOOR LAILI BT OSMAN	94574161

31 MAC 1997

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
SURAT PENYERAHAN	i
SEKAPUR SIRIH	iii
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	vi
LOGO	vii
TAFSIRAN LOGO	viii
PENGENALAN	1
TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	2
PERJANJIAN PERKONGSIAN	3
LATAR BELAKANG SYARIKAT	7
LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	9
RANCANGAN ORGANISASI	14
RANCANGAN OPERASI	31
RANCANGAN PEMASARAN	40
RANCANGAN KEWANGAN	51
RUMUSAN	67
LAMPIRAN	68

SINOPSIS RANCANGAN PERNIAGAAN

- Nama Syarikat** : RNZ INTERIOR OFFICE DESIGN ENTERPRISE
- Bidang Kegiatan Perniagaan** : Menjalankan perkhidmatan merekabentuk, menghias dan mengubahsuai dalaman pejabat
- Jenis Perniagaan** : Perniagaan Perkongsian seramai lima orang
- Lokasi** : Lot 1 & 2, Tingkat Bawah No. 15K, Jln. Bakar Arang, 08000 Sg. Petani, Kedah
- Pasaran** : Kawasan utara (Kedah dan Perlis)
- Persaingan** : Syarikat yang menawarkan perkhidmatan hiasan dalaman
- Modal** : RM 148 000
- Disediakan oleh** : Rozlinda Ramlan
Rafidah Abd Razak
Nor Azian Mohd Yasin
Zahawati Mohd Zaid
Noor Laili Osman

PENGENALAN

Persetujuan lima orang rakan kongsi, lalu tertubuhlah sebuah syarikat yang diberi nama RNZ INTERIOR OFFICE DESIGN ENTERPRISE. Syarikat ini mengambil kontrak untuk merekabentuk dalaman pejabat. Di sini kami dapat lihat bahawa prospek yang cerah dalam perniagaan yang kami ceburi kerana tiada lagi bumiputera yang menjalankan perniagaan ini. Lalu kami tidak mahu melepaskan peluang yang ada ini. Perniagaan ini akan memperlihatkan cantuman yang baru dan unik.

Sungguhpun syarikat kami masih baru tetapi kami sedaya upaya mempertunjukkan mutu perkhidmatan yang cemerlang. Oleh itu, sesuatu kontrak yang kami dapat akan kami usahakan dengan sebaik mungkin. Bekalan bahan-bahan yang diperlukan untuk projek kami banyak membantu dalam mempertingkatkan hasil kerja kami. Kami juga menerima idea-idea dari pelanggan kerana kami mementingkan citarasa pelanggan.

Syarikat kami ingin mengambil inisiatif di dalam mutu perkhidmatan dengan memperindahkan suasana ruang pejabat supaya 'mood' untuk bekerja dengan lebih bersemangat. Di samping itu kami juga akan memastikan syarikat kami dapat menambat hati pelanggan.

TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Berdasarkan kepada perkembangan semasa dan bagi menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan ramai usahawan Bumiputera, maka tujuan Rancangan Perniagaan ini disediakan adalah untuk menjelaskan dan menyakinkan pihak - pihak dan badan - badan tertentu dalam membantu menjayakan syarikat kami.

Rancangan Perniagaan ini disediakan untuk :

1. Institusi Kewangan

Rancangan Perniagaan ini disediakan adalah untuk menyakinkan Institusi Kewangan bagi membolehkan mereka memberikan pinjaman bagi pembiayaan projek yang akan kami jalankan.

2. Pihak Pengurusan

Sebagai garis panduan dalam pengurusan perniagaan. Ia mengandungi pelbagai analisis yang telah dibuat untuk menentukan potensi dan daya maju perniagaan kami. Dengan ini dapat membantu kami dari membuat pembaziran sumber seperti modal dan tenaga pekerja dengan menentukan pengagihan sumber - sumber tersebut dibuat dengan betul.

3. Untuk Pembekal

Memberi keyakinan kepada pihak pembekal untuk membekalkan keperluan operasi. untuk melaksanakan projek.

4. Untuk Pelanggan

Memberitahu pelanggan tentang kewujudan syarikat dan keupayaan syarikat dalam memenuhi permintaan mereka.